



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**SOALAN LAZIM PROGRAM ASASI TVET**  
**PENGAMBILAN PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**  
**SESI 2023/2024**

**1. Apakah program Asasi TVET ?**

Asasi TVET adalah merupakan satu program persediaan sebelum melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda khususnya dalam bidang Teknologi Kejuruteraan. Tiga (3) perkhuisan bidang pengajian adalah:

- i) Teknologi Kejuruteraan Awam
- ii) Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
- iii) Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Penawaran Program Asasi TVET ini bertujuan untuk memperluas akses pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**2. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan kemasukan program ASASI TVET?**

Sesi I 2023/2024:

Bagi lepasan SPM 2020, 2021 dan 2022 permohonan kemasukan melalui pautan <http://upu.mohe.gov.my>

Tarikh tutup permohonan: **13 Jun 2023**

Maklumat lanjut layari <http://ambilan.mypolycc.edu.my> atau hubungi kami di talian 03-88883837 (waktu pejabat) / 019-8683738 (Whatsapp sahaja)

**3. Siapakah yang layak memohon program ASASI TVET?**

Warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun ke atas dan memenuhi syarat kemasukan yang telah ditetapkan. Layari laman di bawah atau imbas kod di bawah untuk maklumat lanjut:

<http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp?pg=program&kat=f&id=FT001>




#### 4. Apakah syarat kemasukan program ASASI TVET?

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Memiliki SPM atau setaraf
- iii. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
- iv. Mendapat LIMA (5) kepujian dalam mata pelajaran berikut:
  - a. Bahasa Melayu
  - b. Bahasa Inggeris
  - c. Matematik
  - d. Matematik Tambahan/ Fizik/ Kimia/ Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
  - e. SATU (1) matapelajaran lain yang belum diambilkira keputusannya
- v. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, pertuturan, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali

#### 5. Apakah kelebihan program ASASI TVET?

Penawaran Program Asasi TVET ini bertujuan untuk memperluas akses pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mengikuti program persediaan sebelum melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda khususnya dalam Ijazah Teknologi Kejuruteraan. Sebagai permulaan, LIMA (5) buah politeknik akan menjadi perintis bagi pengambilan pertama pada Sesi I 2023/2024 dengan 500 orang pelajar sebagai kumpulan pertama.

Lepasan program Asasi TVET diberikan keutamaan melanjutkan pengajian ke Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan berdasarkan bidang yang bersesuaian dan pemetaan laluan pengajian di mana-mana EMPAT (4) universiti dibawah MTUN iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Rujuk pemetaan laluan pengajian seperti di bawah.

PEMETAAN LALUAN PENGAJIAN 						
Politeknik (ASASI)	MTUN (SARJANA MUDA)	Bidang Program Asasi	Cadangan Pemetaan Laluan Pengajian (Semua Mtun)			
			UniMAP	UTHM	UTEM	UMP
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	✓	✓	✓	✓
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	✓	✓	✓	✓
Politeknik Merlimau	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	✓	✓	✓	✓
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Teknologi Kejuruteraan Awam	✓	✓	X	✓
Politeknik Ungku Omar	MTUN	Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Mekanikal / Awam	✓	✓	✓	✓

**6. Bilakah tarikh pendaftaran pelajar bagi Sesi I 2023/2024?**

Tarikh pendaftaran bagi Sesi I 2023/2024 bagi program Asasi TVET akan bermula pada Minggu ke empat (4), Julai 2023.

**7. Berapakah yuran pengajian program ASASI TVET?**

Yuran pengajian bagi semua program di Politeknik dan Kolej Komuniti adalah sebanyak RM200.00/semester.

**8. Berapa lamakah tempoh pengajian Asasi TVET yang ditawarkan di politeknik?**

Tempoh pengajian bagi Program Asasi TVET adalah setahun atau dua (2) semester pengajian dengan setiap semester adalah selama 6 bulan.

**9. Adakah selepas tamat Asasi TVET di politeknik saya akan ditawarkan terus ke MTUN?**

Lepasan Asasi TVET diberikan keutamaan untuk melanjutkan pengajian di empat (4) universiti di bawah MTUN.

**10. Bolehkah saya menyambung ke UA lain selain MTUN setelah tamat Asasi TVET di politeknik?**

Program ini direkabentuk dan pemetaan khusus bagi menyambung pengajian ke program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan 4 universiti dibawah MTUN sahaja.

- Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)

**11. Bagaimanakah cara untuk menghubungi Politeknik atau Kolej Komuniti?**

Maklumat lanjut sila hubungi :

Talian pejabat : 03-88883837

Melalui Wasap : 019-8683738

Emel : [jppkk.ambilan@mohe.gov.my](mailto:jppkk.ambilan@mohe.gov.my)

Hubungi Politeknik atau Kolej Komuniti terdekat (rujuk direktori)

Direktori Politeknik

<http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp?pg=politeknik>

Direktori Kolej Komuniti

<http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp?pg=kk>